



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

13 Februari 2015 / 23 Rabiulakhir 1436

Wasatiyyah - Membentuk Minda Pemikiran yang Saksama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَبِيرِ الْحَكِيمِ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ
الْقَوِيُّ الْمَتِينُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ
الْوَعْدِ الْأَمِينِ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ اتَّبَعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ ، فَقَدْ
فَازَ مَنْ اتَّقَى وَخَابَ مَنْ عَصَى .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintahNya dengan istiqamah dan gigih, serta jauhilah segala laranganNya. Semoga kita dikekalkan sebagai ummah yang sentiasa di landasan yang lurus. Amin.

Saudaraku,

Pada Jumaat yang lalu, kita telah diingatkan akan kepentingan ilmu dan bagaimana ilmu agama dan ilmu duniawi yang adalah

saling melengkapi. Kita juga perlu dipastikan ilmu yang dituntut itu adalah ilmu yang benar dan bermanfaat. Ini agar seorang Muslim dapat meraih kebijaksanaan yang seimbang dalam penafsiran agama dan juga cara bermuamalah dengan saudara Muslim yang lain.

Keseimbangan inilah yang perlu menjadi panduan dalam kita berusaha melaksanakan kehidupan kita. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Baqarah ayat 143:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ
عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Yang bermaksud: *“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Nabi Muhammad) satu umat wasat, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”*

Menurut ahli Tafsir, Al-Wasat di dalam ayat tersebut bererti ‘yang terbaik’. Iaitu umat Nabi Muhammad s.a.w dianjurkan agar berusaha menjadi umat yang terbaik iaitu yang adil dan seimbang di dalam pemahaman dan pengamalannya.

Nabi s.a.w. sendiri telah mencerminkan bahawa Syariah yang dibawanya bermatlamat untuk membangun Mukmin yang seimbang. Ini termasuklah sudut pemikiran, iaitu seorang Muslim mempunyai pendirian bersumberkan ilmu yang benar, yang dapat menyesuaikan dirinya dalam suasana yang berbeza, dan dapat memberi persepsi yang tepat dan reaksi yang baik terhadap isu-isu yang berlaku.

Untuk mencapai wasatiyyah pemikiran ini, beberapa perkara harus diamalkan serta disemat di dalam minda dan hati.

Kita perlu pertama memahami bahawa ilmu pemahaman wahyu dan agama itu saling melengkapi. Maksud saya di sini adalah kita tidak boleh hanya membaca terjemahan Al-Quran tanpa memahami latar belakang ayat itu, sebab ia diturunhkan dan tafsiran makna yang lebih mendalam dan luas. Kita juga tidak boleh hanya meneliti hadith daripada sudut sanad dan periwayatannya tanpa memahami tafsiran dan sebab ia dituturkan atau dilakukan oleh Rasulullah.

Ini kerana kegagalan melakukan demikian boleh menyebabkan salah faham terhadap maksud sebenar. Ini bererti jika kita baru hanya membaca satu kitab hadith sebagai contoh, kita tidak seharusnya membuat kesimpulan bahawa pemahaman kita daripada terjemahannya itulah sahaja kebenaran yang ada.

Sedangkan kita belum membaca tafsiran atau penerangan syarah hadith itu seperti yang difahami oleh ulama yang berkelayakan.

Selain daripada itu, di dalam memahami agama kita ini, kita perlu mempunyai sifat keterbukaan hati dan minda dalam menuntut ilmu.

Ini termasuk menghindari sifat taasub atau fanatik terhadap guru mahupun ajarannya. Imam Ahmad bin Hanbal bergurukan Imam As-Syafii, Imam As-Syafii bergurukan Imam Malik dan Imam Malik bergurukan Imam Abu Hanifah. Mereka anak murid sama sekali tidak bertaasub dengan guru-guru mereka. Buktinya adalah mereka tidak bersependapat dengan guru-guru mereka dalam masalah hukum yang sangat banyak. Ini adalah kerana dari sudut Syariah, tiada sesiapa yang ma'sum atau terhindar dari kesilapan melainkan Nabi s.a.w. Imam Syafi'i r.a. pernah berkata: *“Apa yang saya anggap benar, mungkin juga salah; dan yang saya anggap salah, mungkin juga benar.”*

Fenomena taasub pula sebenarnya wujud dari zaman dahulu hinggalah hari ini. Apabila pandangan seseorang guru tidak diikuti, anak muridnya yang fanatik mula melontarkan kata-kata yang kurang elok kepada orang yang tidak mengikuti gurunya itu, seolah-olah gurunya sahaja yang dikurniakan kebenaran.

Sebagai penuntut ilmu agama juga kita perlu selalu mengamalkan ilmu kita dengan akhlak dan kesantunan.

Yang namanya seorang yang berilmu itu pasti akan mempunyai sifat Al-Hilm (الْحِلْمُ) dalam muamalah serta pemikiran. Orang yang memiliki sifat Al-Hilm ini adalah orang yang dapat mengawal dirinya apabila marah dan tidak terburu-buru memberi respon atau balasan. Untuk memiliki sifat tersebut, seseorang Muslim perlu melatih dirinya bersungguh-sungguh sepertimana yang disebutkan dalam sebuah hadith berbunyi:

إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ، وَإِنَّمَا الْحِلْمُ بِالتَّحَلُّمِ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya ilmu itu (didapatkan) dengan belajar, dan sesungguhnya sifat hilm (atau ketelusan akhlak) itu (didapatkan) dengan belajar (melatih diri) bermurah hati.”*

[Hadith riwayat At-Tabrani]

Baginda s.a.w. juga pernah mengajar cara berdoa untuk meraih sifat Al-Hilm ini di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Sufyan bin Uyainah r.a:

كَانَ مِنْ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ: اللَّهُمَّ أَغْنِنِي بِالْعِلْمِ، وَزَيِّنِّي بِالْحِلْمِ،
وَأَكْرِمْنِي بِالتَّقْوَى، وَجَمِّلْنِي بِالْعَافِيَةِ.

Yang bermaksud: *“Antara doa yang dibaca Nabi s.a.w.: Ya Allah, perkokakan aku dengan ilmu dan hiasilah diriku dengan Al-Hilm, muliakanlah daku dengan ketakwaan dan perelokanlah aku dengan keafiatan.”* [Hadith riwayat Ibnu Abid Dunya]

Sidang Jumaat rahimakumullah,

Kesimpulannya, ilmu yang diwarisi dengan pedoman ulama yang betul, akan membentuk kesaksamaan pemikiran dan kerohanian. Seorang yang berilmu akan bertambah tawadhuhnya dan penghayatannya, semakin indah akhlak dan pekertinya. Kita tidak mahu termasuk dalam golongan yang disabdakan Baginda Nabi s.a.w. *“Barangsiapa yang bertambah ilmu akan tetapi tidak bertambah hidayah maka tidak ada apa-apa tambahan melainkan semakin jauh dari Allah.”* [Hadith riwayat Ad-Dailami]

Mudah-mudahan kita dijauhkan Allah dari segala fitnah serta meraih segala kebaikan di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.